

BAB 5 : AGUINALDO DAN REVOLUSI FASA KEDUA : PENUBUHAN REPUBLIK DI MALOLOS

5.1 Kerjasama Aguinaldo Dengan Pihak Amerika

Emilio Aguinaldo telah berjuang dengan bersungguh-sungguh untuk membentuk kerajaan sendiri. Keperwiraan beliau bukan sahaja ditunjukkan di medan perang, malah beliau telah menunjukkan kematangan dari segi pemikiran dengan mengadakan rundingan-rundingan dengan kuasa-kuasa barat terutamanya Sepanyol dan Amerika Syarikat. Seperti Rizal, Aguinaldo telah meneruskan aktiviti nasionalisme walaupun berada di luar negara. Beliau telah menampakkan satu kemajuan di dalam perkembangan ke arah pembentukan kerajaan sendiri. Republik Malolos yang menjadi kebanggaan orang Filipina telah dibentuk di bawah kepimpinan Aguinaldo. Republik ini adalah satu manifestasi Filipina sebagai *motherland* dari segi realiti untuk Aguinaldo. Ia adalah penghujung kepada segala perjuangan pemimpin dan penduduk Filipina untuk memiliki *motherland* yang bebas dan berdaulat. *Motherland* Filipina yang merdeka juga menandakan satu era pengukuhan (Consolidation) terhadap perjuangan yang berlangsung untuk sekian lama. Aguinaldo telah memberi “wajah” kepada *motherland* Filipina yang bebas.

Semasa Aguinaldo merancang untuk meneruskan perjuangan menentang Sepanyol, wujud perselisihan antara pihak Sepanyol dan pihak Amerika.¹ Berita ini sampai kepada

¹ Permusuhan antara pihak Sepanyol dan Amerika berlaku apabila, pihak Amerika cuba campur tangan dalam hal ehwal negara Cuba (salah satu koloni Sepanyol) untuk membebaskannya daripada penjajahan Sepanyol. Dengan itu, pada 21 April 1898, Amerika Syarikat mengisyiharkan perperangan dengan Sepanyol untuk membebaskan Cuba. Pada 19 April 1891, Kongres Amerika Syarikat telah meluluskan beberapa resolusi yang menyokong perjuangan orang Cuba untuk mendapatkan kemerdekaan. Ketika itu, Cuba memang sedang memberontak untuk membebaskan diri daripada penjajahan Sepanyol. Amerika Syarikat telah menggunakan insiden penenggelaman kapal perang “Maine” pada 15 Februari 1898 kepunyaannya di Cuba sebagai alasan untuk mengisyiharkan perang. Kapal perang “Maine” berada di Havana untuk melindungi orang-orang Amerika di Cuba sekiranya timbul sebarang ancaman kepada kehidupan dan harta benda mereka. Berita letupan kapal yang telah mengorbankan sebanyak 266 orang telah tersebar Untuk menyiasat tragedi letupan kapal itu, pihak Amerika Syarikat dan Sepanyol telah menubuhkan sebuah jawatankuasa. Walaupun punca sebenar letupan itu tidak dapat dipastikan, kesan yang ditinggalkan adalah cukup mendalam dan seterusnya membawa kepada perang antara Amerika dan Sepanyol. Sila rujuk James H. Blount, The American Occupation of the Philippines 1898-1912, Quezon City : Malaya Books Inc., 1968, Oscar M. Alfonso, Theodore Roosevelt and the Philippine, 1897-1909, Quezon City : University of the Philippine Press, 1970, James Alfred Leroy, The Americans in the Philippines, New York : Ams Press, 1970, Cameron William Forbes, The Philippine Island, Boston : Houghton, 1928.

Aguinaldo yang berada di Hong Kong. Aguinaldo telah menggunakan peristiwa ini untuk kembali ke Filipina untuk meneruskan penentangan terhadap penjajah Sepanyol. Aguinaldo telah membuat pakatan bekerjasama dengan pihak Amerika dengan harapan Amerika akan membantu dalam perjuangan menuntut kemerdekaan bagi orang Filipina. Permusuhan yang berlaku antara pihak Amerika dan Sepanyol telah mendorong kepada terjalannya hubungan Aguinaldo dengan Amerika.

Amerika Syarikat menjalankan dasar imperialisme untuk menampung kerugian yang dialami dalam perdagangan. Untuk itu mereka mencari tanah jajahan yang dapat mengatasi masalah hutang mereka. Selaras dengan dasar mencari tanah jajahan, mereka berjaya menguasai negara Cuba dan seterusnya berminat terhadap Filipina. Oleh sebab barang keluaran Amerika memerlukan pasaran di rantau Asia, Filipina dijadikan salah satu pasaran terbaik bagi barang Amerika. Pada masa yang sama, pihak Amerika Syarikat juga berhasrat mendapatkan pasaran dari negara China, dan melalui penguasaan Filipina ia akan memudahkan usaha ini.² Dengan itu, pihak Amerika telah mengatur pelbagai strategi untuk menguasai Filipina. Salah satu strategi yang diambil ialah dengan menempatkan tenteranya di bawah pimpinan Commodore Dewey di Perairan Pasifik pada awal Disember 1897 untuk bersiap sedia menghadapi perperangan.³ Dewey berada di Hong Kong dan menanti arahan daripada kerajaan Amerika Syarikat untuk menentang Sepanyol.

Orang Filipina yang berada dalam buangan di Hong Kong menyedari kelebihan daripada perperangan yang berlaku diantara Amerika dan Sepanyol. Malah sebelum akhir

² Sebelum tercetusnya permusuhan antara Amerika Syarikat dan Sepanyol, Amerika sudah ada rancangan untuk mengambil Filipina.

³ Perlu diingat penempatan Commodore Dewey di Perairan Pasifik ini berlaku sebelum kapal Maine tenggelam berlaku permusuhan antara Amerika dan Sepanyol.

tahun 1897, Aguinaldo telah menghantar wakil untuk berunding dengan Rounseville Wildman, iaitu Konsul Amerika di Hong Kong untuk mengadakan pakatan bersama Amerika untuk menentang penajah Sepanyol. Sebelum perperangan sebenar bermula, Aguinaldo dan orang-orangnya telah pun berunding dengan Dewey pada April 1898 melalui usaha yang diambil oleh Edward P. Wood iaitu seorang Komander Amerika.⁴ Semua perbincangan ini berlaku semasa Aguinaldo berlepas ke Singapura pada 7 April 1898 dan bertemu dengan E. Spencer Pratt iaitu Konsul Amerika yang berkhidmat di Singapura.

Atas nasihat Pratt dan Dewey, Aguinaldo yang ketika itu berada di Singapura pulang ke Hong Kong untuk menyusun rancangan usahasama bersama Amerika untuk menentang Sepanyol. Malangnya Dewey telah bertolak ke Manila sebelum Aguinaldo sampai di Hong Kong. Namun, Aguinaldo dan rakan-rakannya membuat persiapan untuk berangkat pulang ke Filipina. Ketika di Hong Kong, Aguinaldo telah merancang untuk mendapatkan senjata daripada pihak Amerika tanpa mengambil kira tentang kosnya.⁵ Mereka mempercayai Wildman sebagai sahabat, dan memberinya wang berjumlah P117,000 untuk membeli senjata sebagai persediaan menghadapi perperangan.⁶ Walaupun Wildman hanya mengedarkan senjata bernilai P50,000 sahaja kepada Aguinaldo dan rakan-rakannya, mereka tetap bersetuju untuk kembali ke Manila.

Pada 19 Mei 1898, Aguinaldo bersama 17 orang Filipina tiba di Teluk Manila dengan kapal McCulloch milik Amerika.⁷ Dengan serta merta Aguinaldo dibawa ke kapal

⁴ Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 90.

⁵ Exhibit 82, "Surat Rounseville Wildman (konsul Amerika Syarikat) kepada Senat Amerika", bertarikh 3 November 1897, *P.I.R.*, (n.p).

⁶ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 200.

⁷ Emilio Aguinaldo and Vicente Albano Pacis, *A second Look at Amerika*, New York : Robert Speller and Sons Publisher, Inc., 1957, hlm. 37.

Dewey untuk mengadakan perbincangan. Perbincangan demi perbincangan diadakan dan Aguinaldo bersetuju semua keputusan tersebut sebagai rakan sepakatan. Aguinaldo bersetuju kepada semua keputusan Amerika kerana menurutnya, beliau telah dijanjikan kemerdekaan oleh Dewey dan Pratt. Apabila ditanya mengapa tidak ada bukti bertulis, Aguinaldo dalam pengakuannya kepada orang Filipina menyatakan bahawa, Admiral Dewey telah meyakinkan beliau dengan kata-kata seperti berikut :

“That the United States would at least recognize the Independence of the Philippines under the protection of the United States Navy was no necessity for entering into a formal written agreement because the word of the Admiral and of the United States Consul were in fact equivalent to the most Solemn pledge that their verbal promises and assurance would be fulfilled to the letter and were not to be classed with Spanish promises or Spanish ideas of a man’s word of honour...”⁸

Kita tidak dapat memastikan apakah sebenarnya mereka dijanjikan. Tetapi kejadian-kejadian dari permulaan perang hingga penyerahan Manila kepada Amerika pada 13 Ogos 1898 menunjukkan mereka bekerja sebagai suatu pakatan. Malah Aguinaldo dikatakan diberi jaminan oleh pihak Amerika bahawa mereka tidak memerlukan koloni-koloni baru dan Amerika akan mengakui kemerdekaan Filipina.

Walau bagaimanapun tindakan Aguinaldo bekerjasama dengan pihak Amerika mendapat tentangan daripada pelbagai pihak. Kerjasama dengan Amerika dianggap sebagai suatu risiko oleh pemimpin-pemimpin Filipina di Hong Kong. Walaupun pada Mei 1898, Hong Kong Junta⁹ telah mengesyaki Amerika Syarikat sebagai bakal “penindas baru” (new oppressor), namun Aguinaldo menganggap Amerika Syarikat sebagai pelindung tanpa berkepentingan (disinterested protector).¹⁰ Mabini juga mengutuk tindakan Aguinaldo

⁸ Emilio Aguinaldo, True Version of the Philippine Revolution, Fariak (Philippine Island), Tiada Penerbit, 1899, hlm. 11.

⁹ Jawatankuasa pemimpin-pemimpin Filipina di Hong Kong.

¹⁰ Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation, Vol. II, op.cit., hlm. 311.

yang bersetuju berpaktat bersama Amerika dengan hanya mempercayai janji mulut Amerika yang tidak begitu jelas.

Aguinaldo dikatakan menerima Amerika kerana beliau begitu bersemangat untuk kembali ke Filipina dan juga khuatir orang Filipina lain yang berpengaruh mungkin akan guna nama kekuasaan rakyat untuk mewakili bangsa Filipina dan akan mengadakan hubungan dengan kuasa Amerika.¹¹ Sebenarnya Aguinaldo bercita-cita tinggi untuk menjadi presiden dan khuatir peluangnya itu akan jatuh ke tangan orang lain.

Walaupun Aguinaldo tidak ada perjanjian yang sah daripada kerajaan Amerika, Aguinaldo mempercayai Amerika Syarikat bukan datang untuk menjajah Filipina tetapi datang untuk memberi perlindungan kepada Filipina. Aguinaldo bersetuju untuk bekerjasama dengan Dewey dengan harapan Amerika Syarikat akan mengiktiraf kemerdekaan Filipina. Melalui hasil perbincangan dengan Pratt juga Aguinaldo tidak ragu-ragu dan mempercayai bahawa pihak Amerika ingin mengusir Sepanyol dari bumi Filipina atas dasar kemanusiaan, kerana pada masa itu Amerika Syarikat telah campur tangan di Cuba dan membebaskan Cuba daripada dominasi Sepanyol.¹² Dengan melihat kepada latarbelakang sejarah ini, Aguinaldo bersetuju dengan cadangan Amerika. Aguinaldo tidak dapat menolak tawaran kerjasama Amerika kerana matlamat serta-merta ialah untuk mengalahkan dan menjatuhkan penjajahan Sepanyol di Filipina. Keinginan yang tidak terhingga untuk mendapatkan kemerdekaan dan rasa tidak sabar untuk kembali ke Filipina serta ingin merealisasikan cita-citanya untuk menjadi Presiden Filipina, Aguinaldo

¹¹ Maximo M. Kalaw, op.cit., hlm. 105.

¹² Pada Julai 1898, penjajahan Sepanyol di Cuba telah berakhir atau telah dikalahkan oleh pihak Amerika Syarikat. Sila rujuk Exhibit 95a, "Surat Jose M. Basa dari Hong Kong kepada orang Filipina", bertarikh 16 Mei 1898, P.I.R. 1204.10, (n. p.).


bersetuju untuk bekerjasama dengan Amerika Syarikat. Tetapi pihak Amerika telah memperalatkan Aguinaldo untuk memenuhi cita-cita mereka iaitu yang berhasrat untuk memiliki Filipina. Dengan ini, menampakkan niat baik Aguinaldo dibalas dengan penipuan dan muslihat oleh pihak Amerika.

Sebenarnya Aguinaldo tidak tahu situasi sebenar. Beliau tidak percaya Amerika Syarikat akan bertindak buruk dan dengan itu menolak pandangan Hong Kong Junta. Memang pun Aguinaldo tidak dapat lihat angkatan tentera United States Asiatic Squadron sedang menuju ke Teluk Manila dengan membawa idea pencerobohan Presiden Amerika McKinley untuk menguasai Filipina.¹³

Apabila Aguinaldo tiba di Manila para pemberontak di Filipina telah datang untuk menemuinya. Berita kedatangan Aguinaldo tersebar ke serata tempat di Luzon tengah dan Aguinaldo memberi arahan kepada orang Filipina untuk menentang pihak Sepanyol. Aguinaldo juga telah mengarahkan orang Filipina agar menyokong dan bekerjasama dengan pihak Amerika untuk menentang Sepanyol. Senjata yang diperoleh dari pihak Amerika dibahagikan kepada semua pemberontak. Peperangan dilancarkan pada 1 Mei apabila Sepanyol enggan menyerah kalah. Penduduk dari Wilayah Laguna, Batangas, Bulacan, Nueva Ecija, Bataan, Tayabas dan Camarinas memberi sokongan penuh kepada pihak Amerika. Gabenor Jeneral Basilo Agustine cuba memaksa orang Filipina agar memberi sokongan kepada pihak Sepanyol dan bukannya kepada Amerika. Sepanyol menawarkan kerajaan autonomi dan jawatan Ketua Turus Tentera dan gaji sebanyak P5,000 kepada Aguinaldo, jika beliau mengisyiharkan kesetiaan kepada Sepanyol dan

¹³ Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation, Vol. II, op.cit., hlm. 311.

Peta 3 : Luzon Tengah



berjuang menentang Amerika.¹⁴ Namun tindakan Sepanyol ini gagal mempengaruhi Aguinaldo. Beliau tidak lagi mahu terpengaruh dengan strategi Sepanyol sebaliknya bertindak mempertahankan kebolehan penduduk Filipina dengan menyatakan, “*the Filipino people had sufficient experience to govern themselves.*”¹⁵ Jelas Aguinaldo menolak sekeras-kerasnya usaha Sepanyol mengubah pendiriannya sebaliknya harapan Aguinaldo disandarkan kepada Amerika Syarikat pula.

Usaha Amerika menawan Filipina berjalan lancar di bawah Dewey. Setelah Dewey berjaya menawan Teluk Manila, beliau menjadikannya kubu untuk menghalang kapal-kapal Sepanyol berlabuh di Teluk Manila. Pasukan Filipina di bawah arahan Aguinaldo pula, mengepung Manila dan memutuskan bekalan makanan dan minuman. Dengan strategi ini beliau berharap bahawa pihak Sepanyol akan menyerah diri, tetapi Gabenor Jeneral Augustine tidak sanggup untuk menyerah kalah. Pada 30 Jun 1898, semakin banyak tentera Amerika tiba ke Manila dan persediaan dibuat untuk mengadakan perang. Dewey cuba sekali lagi untuk mendapatkan satu perdamaian dengan pihak Sepanyol melalui rundingan dengan Augustine. Malang sungguh nasib orang Filipina kerana kedua-dua pihak Barat itu berpaktat menjatuhkan semangat dan segala usaha penduduk Filipina.¹⁶ Yakni, penajah Sepanyol di bawah pimpinan Gabenor Augustine mencadangkan agar mengadakan satu perang palsu dan selepas itu Sepanyol akan bersetuju untuk menyerah diri.¹⁷ Perang palsu ini diadakan tanpa sebarang bantuan daripada pihak

¹⁴ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, op.cit., hlm. 204.

¹⁵ Teodoro A. Agoncillo, *Malolos : The Crisis of the Republic*, op.cit., hlm. 225.

¹⁶ Perlu diingat pihak Amerika telah membekot dan berpaktat dengan pihak Sepanyol. Kedua-dua kuasa barat itu hanya mengadakan perang palsu untuk mengaburi mata orang Filipina. Pihak Sepanyol bersetuju mengadakan perang palsu untuk menyelamatkan nama baik Sepanyol dan telah menyerahkan Manila kepada Amerika Syarikat.

¹⁷ Eufronio M. Alip, *In the days of General Emilio Aguinaldo*, op.cit., hlm. 59 – 60.

merupakan satu pengkhianatan terhadap orang-orang Filipina. Semua rundingan pihak Amerika dan Sepanyol berlaku tanpa pengetahuan Aguinaldo dan orang Filipina. Orang Filipina tidak sedar akan perang palsu tersebut.

Pada 13 Ogos 1898, perang palsu tersebut tamat dan pihak Sepanyol menyerahkan Manila kepada pihak Amerika. Pihak Amerika pula berjanji akan terus memelihara ibu kota Manila, gereja dan penduduk Filipina. Pada 14 Ogos 1898 perjanjian antara pihak Amerika dan Sepanyol ditandatangani secara rasmi.¹⁸ Suatu fakta yang menarik di sini ialah, sebelum Manila diserahkan kepada Amerika, sebuah protokol telah pun ditandatangani di Washington antara pihak Sepanyol dan Amerika Syarikat pada hari yang sama (14 Ogos 1898). Mengikut protokol tersebut Sepanyol menyerahkan Filipina kepada Amerika Syarikat.¹⁹ Tetapi protokol ini tidak sampai ke Manila kerana sistem perhubungan kabel telah dipotong ketika itu.²⁰ Malangnya segala aktiviti di belakang tabir antara Amerika dan Sepanyol tidak diketahui oleh Aguinaldo. Amerika Syarikat telah membeli Filipina daripada Sepanyol dengan bayaran 20 juta dolar.²¹ Jumlah wang ini mungkin banyak pada masa itu tetapi tidak dapat dibandingkan dengan nilai patriotisme rakyat Filipina. Bukan Aguinaldo sahaja tertipu sebaliknya seluruh penduduk Filipina telah diperdayakan oleh Amerika Syarikat.

Sebenarnya tujuan utama pihak Amerika Syarikat membuat pakatan dengan Aguinaldo adalah untuk memperoleh sokongan dan kerjasama daripada seluruh penduduk tempatan untuk menentang Sepanyol. Apabila rakyat telah bersatu di bawah pimpinan

¹⁸ Richard Brinsley Sheridan, The Filipino Martyrs, Quezon City : New Day Publishers, 1989, hlm. 35.

¹⁹ Surat Konsul G. de Berard kepada Menteri Luar Perancis, bertarikh 8 November 1898, dalam French Consular Dispatches on the Philippine Revolution, op.cit., hlm. 77.

²⁰ Eufronio M. Alip, Political and the Culture, op.cit., hlm. 161.

²¹ Onofre D. Corpuz, The Roots of Filipino Nation, Vol. II, op.cit., hlm. 341.

Aguinaldo maka ia akan memudahkan pihak Amerika menguasai Filipina.²² Hubungan sebenar antara Aguinaldo dan pihak Amerika jelas terbukti melalui testimoni Admiral Dewey seperti berikut:

I knew what he was doing. Driving the Spaniards in was saving our troops... up to the time the army came, Aguinaldo did everything I requested. He was most obedient, whatever I told him, he did. I saw him almost daily. I had not much to do with him after the Army came.²³

Dengan kenyataan ini memang jelas pihak Amerika memperalatkan Aguinaldo untuk kepentingan mereka. Pihak Amerika telah mempergunakan orang Filipina untuk menentang Sepanyol sehingga pasukan tentera dari Amerika tiba di Filipina.

Dengan pakatan yang dibentuk oleh dua kuasa Barat itu, musnahlah harapan Aguinaldo untuk mendapat kemenangan mutlak dari pihak Sepanyol. Hasrat untuk menujuhkan kerajaan yang dihajati oleh beliau terus terkubur. Malangnya Aguinaldo sendiri tidak menyedari hakikat ini. Namun, melalui hubungannya dengan Amerika, Aguinaldo telah berjaya memenangi pertarungan di Teluk Manila dan keadaan ini telah membantunya untuk kembali berkuasa dan dapat menyakinkan rakyat Filipina tentang perjuangannya yang jujur untuk mendapatkan kemerdekaan. Aguinaldo yang masih belum sedar yang beliau telah ditipu, terus berusaha untuk merealisasikan matlamatnya untuk mendirikan sebuah kerajaan untuk orang Filipina.²⁴ Untuk itu, beliau mengambil usaha-usaha untuk mengasaskan suatu kerajaan untuk penduduk Filipina.

²² Maximo M. Kalaw, op.cit., hlm. 107.

²³ Renato Constantino, The Philippines : A Past Revisited, op.cit., hlm. 208.

²⁴ Surat Konsul G. de Berard kepada Menteri Luar Perancis, bertarikh 8 November 1898, dalam French Consular Dispatches on the Philippine Revolution, op.cit., op.cit., hlm. 77.

5.2 Usaha-usaha Kearah Pembentukan Republik Malolos.

Aguinaldo kembali ke Filipina dari Hong Kong dengan tujuan membentuk sebuah kerajaan bercorak republik di Filipina. Untuk mencapai matlamat itu, beliau telah mengambil pelbagai langkah dan strategi. Oleh sebab matlamat utama Aguinaldo kembali adalah untuk mendirikan sebuah kerajaan republik, beliau telah membawa bersama draf perlembagaan kerajaan republik yang telah disediakan oleh Mariano Ponce dari Hong Kong.²⁵ Pihak Amerika yang mengikuti semua tindakan Aguinaldo masih memperdayakan usaha-usaha yang diambilnya. Misalnya, pihak Amerika, melalui Konsul Wildman, telah menasihatkan Aguinaldo agar menubuhkan kerajaan dictator sebelum mendirikan kerajaan republik kerana kerajaan diktator itu kemudiannya boleh menjadi nukleas kepada pembentukan sebuah kerajaan republik yang sama seperti di Amerika Syarikat.²⁶ Penasihat Aguinaldo iaitu Ambrosio Rianzares Bautista²⁷ juga menasihati Aguinaldo agar melupakan idea mengorganisasi kerajaan berperlembagaan dan mengarahkannya untuk penubuhan suatu rejim diktator. Oleh sebab keadaan kritikal²⁸ pada masa itu memerlukan sebuah kerajaan yang kuat dalam bidang kuasa eksekutif, maka Aguinaldo mengenepikan draf Mariano Ponce dan menerima cadangan Ambrosio Rianzares Bautista untuk membentuk Kerajaan Diktator. Dengan itu pada 24 Mei 1898, Aguinaldo mengumumkan niatnya untuk menubuhkan kerajaan diktator.²⁹ Beliau terpaksa membentuk kerajaan diktator untuk meneruskan revolusi memandangkan masih banyak wilayah-wilayah Filipina berada di bawah pengaruh pihak Sepanyol.³⁰

²⁵ Draf tersebut serupa dengan Perlembagaan Sepanyol yang mengandungi dewan perwakilan, bidang eksekutif dan bill of fundamental rights. Sila rujuk Usha Mahajani, *op.cit.*, hlm. 121.

²⁶ Teodoro A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic, *op.cit.*, hlm. 217.

²⁷ Seorang peguam terkenal di Manila.

²⁸ Filipina berada dalam keadaan tidak aman akibat perperangan.

²⁹ Teodoro A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic, *op.cit.*, hlm. 217.

³⁰ Alejandro M. Fernandez, The Philippines and the United States, the Forging of New Relations, Quezon City : NSBD - UP Integrated Research Program, 1997, hlm. 23.

Dalam pengumuman mengenai kerajaan diktator itu Aguinaldo menyatakan bahawa, memandangkan Amerika Syarikat sanggup memberi bantuan dan perlindungan dalam menuntut kebebasan Filipina, maka Aguinaldo akan mengepalai pasukan tentera demi mencapai kemerdekaan dan untuk itu akan membentuk sebuah kerajaan diktator. Kerajaan ini dibentuk untuk sementara waktu saja dan selepas keamanan kembali pulih ia akan dimansuhkan. Mengikut Aguinaldo, beliau terpaksa membentuk kerajaan diktator untuk mendapatkan kuasa mutlak agar mengawal orang awam dan tentera dan seterusnya dapat menguasai seluruh wilayah dan menyatukan rakyat Filipina di bawah kawalannya.³¹ Ini dapat memudahkan usaha membebaskan keseluruhan penduduk Filipina daripada penguasaan penajah Sepanyol dan meletakkan mereka di bawah kawalan kerajaan diktator.³²

Bagi pihak Amerika, pelaksanaan kerajaan diktator oleh Aguinaldo tanpa disedari telah memberikan peluang kepada mereka untuk menguasai Filipina. Pihak Amerika telah menggunakan peluang ini untuk kepentingan diri mereka.³³ Kuasa Amerika menjadi dalang dalam tindak-tanduk Aguinaldo, sebenarnya telah menggunakan Aguinaldo sebagai alat untuk mereka bertapak kukuh di Filipina. Dengan itu dapat dikatakan pengisytiharaan kerajaan diktator oleh Aguinaldo adalah suatu kesilapan.

Ketika Ambrosio Rianzares Bautista mencadangkan Aguinaldo untuk mengasaskan kerajaan diktator, Aguinaldo menerima dengan hati terbuka. Motif di sebalik pembentukan kerajaan diktator adalah atas hakikat kerajaan diktator sangat perlu untuk memusatkan

³¹ Pengumuman kerajaan diktator oleh Aguinaldo adalah untuk menamatkan kerajaan Republik Biak-na-bato yang dibentuk sebelum ini dan juga untuk menarik balik semua arahannya ketika itu. Melalui dikri diktator ini juga, beliau membatalkan semua kuasa yang diberi kepada pegawai tentera, wilayah dan *pueblo*.

³² Teodoro A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic, op.cit., hlm. 227.

³³ Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation, Vol. II, op.cit., hlm. 311.

semua kuasa awam dan tentera dibawah seorang pemimpin. Jelaslah hasrat Aguinaldo, “*to repress with a strong hand the anarchy which is the inevitable sequel of all revolutions.*³⁴

Dapatlah dirumuskan bahawa Aguinaldo beralih ke diktatorship selaras dengan keadaan di Filipina dan juga untuk kepentingannya sendiri. Beliau perlu melakukan perubahan sebegini untuk terus kekal sebagai orang utama dalam arus perkembangan politik di Filipina.

Dari segi politik terdapat dua signifikan di bawah akta Kerajaan Diktatorial yang dibentuk iaitu pertama pengumuman kemerdekaan Filipina pada 12 Jun 1898 dan kedua penyusunan kerajaan perbandaran dan wilayah (kerajaan tempatan).³⁵ Penyusunan kerajaan tempatan perlu untuk usaha ke arah menyediakan semua peublo diletakkan di bawah kawalan kerajaan pusat Filipina. Plan organisasi untuk penyusunan kerajaan tempatan dibuat dengan dikri 18 Jun.³⁶

Dikri 18 Jun mencerminkan pemikiran Aguinaldo yang menekankan bahawa kerajaan perbandaran yang mantap adalah asas kepada pembentukan kerajaan pusat.³⁷ Aguinaldo memang tidak ragu-ragu mengenai kepentingan peranan kerajaan tempatan. Pada 3 Ogos 1898, semasa berucap dalam upacara angkat sumpah bagi lantikan ketua bandar, ia menyatakan setiap ahli majlis bandar berkhidmat sebagai batu asas kepada pembentukan sebuah negara.³⁸

³⁴ Leandro H. Fernandez, *The Philippine Republic*, *op.cit.*, hlm. 64.

³⁵ Eufronio M. Alip, *In the days of General Emilio Aguinaldo*, *op.cit.*, hlm. 52.

³⁶ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 310.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Selain itu dikri tersebut juga mengandungi peruntukan untuk mengadakan pemilihan ahli Kongres revolusionari oleh Aguinaldo. Di setiap peringkat kerajaan tempatan, seorang ketua bandar akan dipilih dan diikuti dengan ketua provinsi dan seterusnya seorang perwakilan untuk Kongres Revolusionari.³⁹ Ini perlu untuk menerapkan konsep republik yang memerlukan penglibatan rakyat. Jadi hasrat Aguinaldo untuk melibatkan rakyat tidak pudar. Kerajaan tempatan dapat melibatkan seluruh rakyat yang melambangkan hasrat rakyat dalam membentuk kerajaan republik. Sekurang-kurangnya Aguinaldo telah membuktikan bahawa kerajaan diktator yang dibentuknya hanyalah sekadar satu proses ke arah pembentukan kerajaan republik.

Dalam usaha untuk membentuk republik Filipina, Aguinaldo telah melantik Mabini sebagai penasihat peribadinya. Mabini telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat Aguinaldo untuk membentuk kerajaan republik di Filipina. Beliau telah mengemukakan satu falsafah tentang bentuk kerajaan yang boleh dianggap sebagai yang paling demokratik di Asia pada masa itu. Beliau juga menyumbangkan masa dan tenaga untuk Republik Malolos setelah ia dibentuk. Dalam erti kata lain, "*Mabini was the personification of the Filipinos intellectual fight for sovereignty.*"⁴⁰ Sebagai langkah permulaan untuk pembentukan kerajaan republik, Mabini telah mengasaskan kerajaan tempatan.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ A. V. H. Hartendorp, Mabini The Sources of His Political Thought, op.cit., hlm. 2.

5.3 Pengasasan Kerajaan Tempatan

Pembentukan kerajaan tempatan dilaksanakan oleh Apolinario Mabini kerana ia dianggap sesuatu yang perlu dilaksanakan segera supaya setiap peublo yang telah dibebaskan oleh pemberontak daripada kawalan kerajaan Sepanyol diletakkan dalam suatu bentuk kerajaan di bawah kawalan orang Filipina. Dalam dikri 18 Jun 1898 itu dinyatakan bahawa “*the first duty of the government to interpret faithfully the popular will*” dan dengan itu ia adalah kehendak Aguinaldo supaya beliau dikelilingi oleh perwakilan dari setiap provinsi dan dengan ini dapat mengetahui apakah keperluan sebenar rakyat dan tindakan susulan dapat diambil dengan segera.⁴¹

Mabini telah memainkan peranan penting dalam pembentukan dikri 18 Jun 1898 iaitu yang berkaitan dengan penyusunan kerajaan tempatan kerana idea tersebut tiada berkaitan dengan rancangan Amerika Syarikat dan ini adalah idea Mabini sendiri.⁴² Kerajaan tempatan dimulakan daripada provinsi-provinsi yang bebas daripada penguasaan Sepanyol. Setiap penduduk provinsi dianggap sebagai pengundi. Mereka diterapkan konsep kewarganegaraan iaitu mempunyai hak untuk memilih pemimpin mereka. Setiap bandar akan memilih seorang ketua dan termasuk tiga perwakilan. Ketua *barrio*⁴³ yang berlainan akan membentuk sebagai *popular assembly*. Tugas *popular assembly* ialah menyelia pelaksanaan undang-undang dan memenuhi keperluan setiap bandar. Semua ini akan membentuk kerajaan perbandaran. Dari setiap kerajaan perbandaran ini, mereka akan

⁴¹ Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 112.

⁴² Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 313.

⁴³ *Barrio* – daerah di luar bandar.

memilih seorang perwakilan ke Kongres Revolusionari.⁴⁴ Kawasan-kawasan yang telah dibebaskan daripada penjajahan Sepanyol melalui revolusi diletakkan di bawah kawalan kerajaan pusat yang dikenali sebagai kerajaan revolusioner. Kerajaan revolusioner ini dibentuk untuk sementara waktu sahaja. Selepas semua kawasan dikuasai dan keadaan menjadi aman, pembentukan kerajaan republik akan dilaksanakan. Kerajaan revolusioner akan dipusatkan dengan mengadakan hubungan dengan unit kerajaan tempatan. Ia adalah kehendak Mabini untuk meletakkan semua pemimpin tempatan dibawah telunjuk kerajaan pusat.⁴⁵

Semua perwakilan dari setiap perbandaran menyokong penuh kemerdekaan Filipina dan menerima Aguinaldo sebagai presiden Kerajaan Revolusioner.⁴⁶ Dengan pelaksanaan dikri ini bukan saja kedudukan presiden lebih terjamin tapi juga tiada orang yang ada hak untuk melanggar undang-undang tabii atau menolak aspirasi rakyat yang sah. Apabila Aguinaldo merasakan dirinya sudah mendapat sokongan penuh daripada kerajaan tempatan, maka beliau bertindak untuk mengisytiharkan kemerdekaan.

5.4 Pengisytiharaan Kemerdekaan

Setelah membentuk kerajaan tempatan, Aguinaldo seterusnya mengambil langkah mengumumkan kemerdekaan untuk terus mendapatkan sokongan padu rakyat. Dengan itu, pada 12 Jun 1898, Aguinaldo mengisytiharkan kemerdekaan Filipina dihadapan ratusan orang di Cavite el Viejo (Kawit) disertai dengan kibaran bendera kebangsaan Filipina buat

⁴⁴ Pada 1 Ogos 1898 ketua bandar dari setiap wilayah seperti Cavite, Pampanga, Manila, Bulacan, Bataan, Nueva Ecija, Laguna, Morong, Tarlak, Batangas, Mindoro, Tayabas, Zambales, Pangasinan, Union dan Infanta telah pergi ke Bancoor dan mengambil sumpah dan memberi sokongan kepada Kerajaan Revolusioner.

⁴⁵ Maximo M. Kalaw, op.cit., hlm. 113.

⁴⁶ Ibid., hlm. 114.

kali pertama.⁴⁷ Disertai dengan irungan muzik Perbarisan Kebangsaan Filipina, bendera Filipina dinaikan dengan penuh patriotik.

Seterusnya Deklarasi Kemerdekaan⁴⁸ disediakan dan ditandatangani oleh 98 orang termasuk pegawai tentera Amerika yang menjadi saksi iaitu L. M. Johnson (Colonel of Artillery).⁴⁹ Namun pengisytiharaan kemerdekaan Filipina hanya diumumkan pada 1 Ogos 1898 kepada kebanyakan bandar, setelah ia disusun dibawah peraturan Kerajaan Diktator.

Salah satu bahagian dalam deklarasi menyatakan :

“And summoning as a witness of the rectitude of our intentions, the Supreme Judge of the universe, and under the protection of the Mighty Humane North American Nation, we proclaim and solemnly declare, in the name and by the authority of the inhabitants of all these Philippine Islands, that they are and have the right to be free and independent; that they are released from all obedience to the Crown of Spain; that every political tie between the two is and must be completely severed and annulled...”⁵⁰

Sungguhpun deklarasi 12 Jun tersebut menandakan kemerdekaan daripada penjajahan Sepanyol, tapi pada masa yang sama, meletakkan Amerika Syarikat ditempat khas sebagai pelindung Kemerdekaan Filipina.⁵¹ Melalui pengumuman dikri 12 Jun ini Aguinaldo menganggap pihak Amerika Syarikat sebagai penyelamat. Sebenarnya Aguinaldo tidak sedar bahawa ketika ia membacakan pengumuman kemerdekaan, dua ekspedisi tentera Amerika sedang melalui Lautan Pasifik menuju ke Manila. Misi ini datang untuk menduduki Filipina dan bukan untuk memberi perlindungan kepada Filipina seperti yang disangka oleh Aguinaldo.⁵²

⁴⁷ Bendera kebangsaan Filipina telah dibuat oleh kaum wanita Filipina iaitu Mrs. Marcela Marino Agoncillo, Lorenza Agoncillo dan Delfina Herboza yang ketika itu berada di Hong Kong.

⁴⁸ Deklarasi kemerdekaan telah disediakan oleh Ambrosio Rianzares Bautista. Deklarasi kemerdekaan ini adalah petikan daripada Deklarasi kemerdekaan Amerika.

⁴⁹ Renato Constantino, *The Philipines : A Past Revisited*, op.cit., hlm. 205.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Ibid.

⁵² Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, op.cit., hlm. 311.

Pada masa yang sama timbul perbezaan pendapat antara Aguinaldo dan Mabini mengenai kemerdekaan yang diisythir. Mabini menganggap pengisytiharan kemerdekaan yang dibuat oleh kerajaan diktator adalah sebagai berlaku sebelum sampai masanya. Lagipun, sejak kerajaan diktator beroperasi ia melibatkan pasukan tentera dan kurang penglibatan rakyat. Ini dianggap suatu kelemahan kerana untuk mengasaskan sebuah kerajaan republik, penglibatan rakyat adalah menjadi asas yang penting. Tetapi semua pandangan Mabini tidak dilayan oleh Aguinaldo. Aguinaldo memang mempunyai motif di sebalik pengisytiharaan kemerdekaan yang awal itu. Ini kerana, sewaktu Aguinaldo tiba dari Hong Kong, beliau mendapati orang-orang Filipina dengan sendirinya terus mengadakan penentangan terhadap penjajah Sepanyol tetapi di bawah arahan beberapa orang pemimpin tempatan tanpa mempunyai suatu arahan pusat. Beliau khuatir matlamatnya untuk menjadi presiden Filipina tidak akan menjadi kenyataan dengan pengaruh pemimpin-pemimpin tempatan yang lain. Misalnya Emilio Jacinto antara pemimpin tempatan yang masih berjuang secara bersendirian dan hanya selepas Kerajaan Malolos dibentuk Jacinto dijemput oleh Mabini untuk menyertai Aguinaldo.⁵³ Dengan ini juga kita dapati Aguinaldo menggunakan kuasa sebagai diktator untuk menyekat pengaruh dan kuasa pemimpin-pemimpin tempatan lain dan cuba berusaha meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang paling berkuasa.⁵⁴

Dengan pengumuman kemerdekaan yang awal itu, Aguinaldo dapat menyakinkan penduduk Filipina bahawa dia kembali untuk memimpin perjuangan yang terbiar dan ingin

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Teodore A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republik, op.cit., hlm. 227.

membersihkan namanya yang dituduh sebagai penipu kerana menyerah kalah kepada pihak penjajah Sepanyol. Melalui usaha Aguinaldo yang begitu bersemangat untuk mendapatkan kemerdekaan rakyat Filipina, beliau berjaya menawan kembali banyak kumpulan penentangan penjajah ke dalam perjuangannya. Dengan ini Aguinaldo berjaya mengawal pemimpin-pemimpin tempatan dan berjaya meletakkan mereka dibawah kawalannya. Setelah Filipina berada dalam kawalan, Aguinaldo bertindak untuk mengasaskan kerajaan revolusioner menggantikan kerajaan diktator.

5.5 Pengasasan Kerajaan Revolusioner

Kerajaan diktator yang diasaskan oleh Aguinaldo hanya bertahan selama dua bulan dari 24 Mei hingga 23 Jun 1898. Pada 23 Jun 1898, atas nasihat Mabini kerajaan diktator telah ditukar kepada kerajaan revolusioner.⁵⁵ Kerajaan revolusioner menukar gelaran ketua negara daripada diktator kepada presiden. Matlamatnya adalah untuk berjuang ke arah kemerdekaan sehingga Filipina diiktiraf oleh negara luar yang berdaulat dan seterusnya mengasaskan kerajaan republik sebenar. Aguinaldo terpaksa menukar gelaran diktator kerana gelaran tersebut sudah tentu tidak membawa maksud kebebasan sebenar dan beliau khuatir kerajaan diktator tidak akan diiktiraf oleh kuasa lain. Perubahan dari diktator kepada presiden juga menjadi bukti yang jelas bahawa hasrat untuk menjadi presiden merupakan satu agenda penting dalam perjuangan beliau pada tahap ini. Dengan kata lain kerajaan diktator menjadi batu loncatan bagi Aguinaldo untuk menjadi presiden republik Filipina.⁵⁶

⁵⁵ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 313.

⁵⁶ Sehingga pengisytiharaan dikri 24 Mei dan khususnya pengumuman kemerdekaan pada 12 Jun 1898, Aguinaldo berjaya menonjolkan diri sebagai pemimpin utama dalam perjuangan. Sejak itu kedudukannya stabil dan terkawal. Dengan pertukaran daripada kerajaan diktator kepada kerajaan revolusioner, Aguinaldo sekali lagi mengukuhkan kedudukan sebagai presiden.

Mabini telah memainkan peranan yang penting dalam menukar kerajaan diktator kepada kerajaan revolusioner. Bagi Mabini, konsep asas revolusi adalah sesuatu yang munasabah memandangkan ia memperjuangkan kedaulatan yang menjadi hak kepada rakyat secara tabii, dianggap sesuatu yang adil dan tidak menyalahi undang-undang. Manakala Kerajaan Revolusioner adalah ditubuhkan oleh rakyat sendiri mengikut cara undang-undang yang bersesuaian dengan keadaan abnormal ketika itu dan juga kerana sebagai persediaan kearah pembentukan republik sebenar di Filipina. Mabini berpendapat revolusi itu mempunyai alasan yang kukuh iaitu dengan menjadikan keadilan sebagai matlamat mereka dan keikhlasan adalah cara diguna untuk mencapai matlamat mereka.⁵⁷ Seperti yang diketahui umum, revolusi dilancarkan secara kekerasan untuk membawa kembali kedaulatan milik sesuatu bangsa yang dirampas oleh penjajah yang kejam. Filipina tiada jalan yang lain melainkan guna revolusi untuk mencapai matlamat mereka, apabila perjuangan secara keamanan gagal membawa sebarang erti.⁵⁸

Sudah tentu, semua pergerakan ini tidak akan mencapai signifikan tanpa keazaman rakyat untuk membebaskan *motherland* daripada penjajah Sepanyol. Dengan itu, dibentuk kerajaan revolusioner dan membuat persiapan untuk pengasasan kerajaan republik sebenar. Semua rakyat diajak untuk berjuang ke arah mendirikan kerajaan republik iaitu kerajaan oleh rakyat dan kerajaan untuk rakyat.⁵⁹

⁵⁷ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. II, op.cit., hlm. 314.

⁵⁸ Orang Filipina menuntut keadilan, mengiktiraf hak sekular kepada paderi tempatan dan asimilasi bersama Sepanyol. Tetapi kesemua suara hati orang Filipina langsung tidak dilayan. Malah semua pejuang nasionalis dihukum, disiksa dan dibunuh. Keadaan ini mendorong orang Filipina kepada suatu pertumpahan darah kerana mereka tiada jalan lain untuk mencapai matlamat mereka. Kini mereka tidak mahu asimilasi bersama Sepanyol tapi inginkan pemisahan mutlak daripada Sepanyol. Mereka berjuang untuk kemerdekaan. Mereka juga merasakan kini telah sampai masa untuk mentadbir negara sendiri. Sila rujuk Teodoro A. Agoncillo, *Malolos : The Crisis of the Republik*, op.cit., hlm. 233.

⁵⁹ Ibid.

Sebagai mengisi pembentukan sesuatu kerajaan Aguinaldo telah membentuk kabinet pada 15 Julai 1898. Kabinet kerajaan revolusioner ini adalah persediaan awal sebelum membentuk kabinet untuk republik yang sebenar. Kebanyakan ahli kabinet terdiri daripada golongan *ilustrado* yang elit. Pengasasan kabinet ini menandakan penyusupan golongan *ilustrado* ke dalam kerajaan dan seterusnya menampakkan peralihan tumpuk kuasa daripada golongan massa kepada golongan *ilustrado*. Dalam kabinet tersebut, disamping elit lama seperti Baldomero Aguinaldo dan Mariano Trias, Aguinaldo juga melantik golongan *ilustrado* baru seperti Gregorio Araneta (peguam) Felipe Buencamino, Dr. T.H. Pardo de Tavera dan lain-lain lagi, kebanyakan mereka adalah masih setia dengan Sepanyol.⁶⁰ “*Aguinaldo could not seem to conceive of a serious government without the participation of those distinguished personages whose advice he had publicly promised to seek.*⁶¹” Dalam pemilihan kabinet juga sudah mula menampakkan dengan jelas penyusupan golongan *ilustrado* ke dalam pentadbiran kerajaan yang bakal dibentuk.

Walaupun persediaan sedang dibuat untuk mendirikan kerajaan republik di Filipina, namun pada masa yang sama pertempuran masih berlaku antara pihak Sepanyol dengan para pemberontak. Dengan semangat yang tinggi untuk mencapai kemerdekaan, pasukan Filipina terus mencapai kejayaan demi kejayaan.⁶² Pada 15 Julai 1898, Aguinaldo mengingatkan kepada orangnya bahawa perjuangan ini bukanlah perjuangan ahli-ahli Katipunan tetapi perjuangan seluruh penduduk Filipina.

“Our most dear Mother Country is the true Katipunan in which all her sons are united and agreed in one desire and in one wish,

⁶⁰ Seorang lagi *ilustrado* yang cuba dibawa oleh Aguinaldo ialah Cayetano S. Arellano. Beliau pernah dilantik oleh Sepanyol sebagai pegawai Consulative Assembly. Aguinaldo menawarkan portfolio hal ehwal luar negara kepadanya. Tapi beliau menolak untuk menyertai kerajaan revolusioneri kerana simpatinya terletak pada pihak Amerika. Jawatan itu kemudiannya diganti oleh Mabini.

⁶¹ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 210.

⁶² Aguinaldo menghantar kontijen Cavite dibawah Colonial Danvel Tirona ke Appari. Sehingga bulan September, lembah Cagayan dan Batanes telah berjaya mengusir keluar semua kuasa Sepanyol.

that is, to rescue the Mother Country which groans in slavery.”⁶³

Begitulah tinggi harapan yang diletakkan Aguinaldo terhadap peranan masyarakat kepada *motherland* yang tercinta. Usaha pembebasan *motherland* memerlukan penyatuan dan kerjasama di tahap tertinggi. Sebarang kepincangan akan menggagalkan cita-cita murni untuk melihat *motherland* yang tercinta bebas daripada belenggu penjajahan.

Pada bulan Ogos tentera dibawah Jeneral Manuel Tinio telah membebaskan provinsi Ilocos, sementara Jeneral Miquel Malvar membebaskan Tayabas. Tentera Sepanyol di Santa Cruz, Laguna menyerah kalah kepada Jeneral Paciano Rizal pada 31 Ogos 1898.⁶⁴ Di wilayah-wilayah lain pasukan tempatan dengan sendirinya menentang dan menghalau Sepanyol. Misalnya penduduk provinsi Bicol dengan sendiri menentang dan mengusir keluar Sepanyol dan membentuk kerajaan revolusioner sebagai tanda memberi sokongan padu kepada kerajaan Aguinaldo.⁶⁵ Sehingga bulan Disember hampir kebanyakan kawasan Filipina telah diletakkan di bawah kawalan kerajaan revolusioner.⁶⁶ Seterusnya Aguinaldo telah berusaha untuk mendapat pengiktirafan kerajaan luar bagi kemerdekaan Filipina kerana, “*The Philippine people have already arrived at that state in which they can and ought to govern themselves*”⁶⁷ Sebagai bukti Aguinaldo mengemukakan fakta bahawa kerajaannya mempunyai 9 ribu tahanan Sepanyol dan berjaya mengawal bandar Manila termasuk 15 wilayah serta mempunyai kira-kira 30,000 tentera di

⁶³ Exhibit 11d, “Proclamation Aguinaldo” bertarikh 15 Julai 1898, P.L.R. 206.2. (n. p.).

⁶⁴ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, op.cit., hlm. 212.

⁶⁵ Di Panay juga orang tempatan bertindak sendiri usir Sepanyol. Ekspedi lain juga dihantar ke Mindoro, Rombion, dan Masbate dan lain-lain kawasan yang terus mendapat sokongan padu rakyat yang mana akhirnya membawa kejayaan. Ibid.

⁶⁶ Selepas menyerahkan Manila, kerajaan Sepanyol berpindah ke Iloilo. Sebagai usaha untuk memelihara Visayas dan Mindanao untuk Sepanyol, Jeneral Diego de los Rios membentuk Council of Reforms atau Colonial Council. Tapi semua usaha Sepanyol berjaya dipatahkan oleh pasukan Aguinaldo. Aguinaldo berjaya membentuk kerajaan Revolutionary di Visayas di Santa Barbaro, Iloilo pada 17 November 1898. Usaha untuk membentuk kerajaan revolusioner juga berjaya dilaksanakan di Negros pada bulan November. Ibid.

⁶⁷ Usha Mahajani, op.cit., hlm. 124.

bawah kerajaan revolusioner.⁶⁸ Pada masa ini juga Aguinaldo ingin bertindak untuk mengasaskan kerajaan republik yang sebenar di Malolos. Beliau sedar setelah bebas dari naungan Sepanyol mesti mendirikan sebuah kerajaan yang dapat diiktiraf oleh dunia. Dengan itu beliau bertindak untuk mengadakan Kongres Malolos.

5.6 Kongres Malolos

Selepas mengasaskan kerajaan revolusioner langkah seterusnya yang diambil Aguinaldo adalah mengadakan Kongres Malolos untuk merangka perlombagaan agar kerajaan yang dibentuk lebih lengkap dan stabil di Malolos. Secara simbolik Malolos dipilih sebagai pusat dan mendapat perhatian kerana, Malolos pernah menjadi pusat kegiatan bagi orang-orang Filipina dan menjadi kubu pembebasan dan menjadi simbol harapan ketika mereka menghadapi krisis.⁶⁹

Pada 4 September 1898, Aguinaldo melantik 50 perwakilan ke Kongres yang kebanyakannya terdiri daripada golongan siswazah.⁷⁰ Mereka dipertanggungjawabkan untuk merangka perlombagaan bagi Filipina. Pada 15 September persidangan pertama National Assembly diadakan di gereja Barasoian, Malolos.⁷¹ Pada waktu tengah hari pilihan raya diadakan untuk memilih pegawai kongres.⁷²

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Teodoro A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic, op.cit., hlm. VII dalam bahagian Prakata.

⁷⁰ Pada 10 September 1898 bilangan perwakilan telah meningkat kepada 60 orang. Bilangan perwakilan kongres sentiasa berubah dari masa ke semasa.

⁷¹ Surat Konsul G. de Berard bertarikh 1 Oktober 1898, dalam French Consular Dispatches on the Philippine Revolution, op.cit., hlm. 71.

⁷² Pegawai yang dipilih seperti berikut, Pedro A. Paterno sebagai Presiden, Benito Legarda sebagai Naib Presiden, Gregorio Araneta sebagai Setiausaha Pertama dan Pablo Ocampo sebagai Setiausaha Kedua. Sila rujuk Maximo M. Kalaw, op.cit., hlm. 125.

Ucapan Aguinaldo dalam bahasa Tagalog memberi semangat baru kepada orang Filipina. Apabila Aguinaldo berkata, “*the United States for the Americans, now I say that the Philippines is for the Filipinos.*⁷³” Dalam ucapannya, beliau juga menyatakan segala perjuangan orang Filipina dalam revolusi akhirnya telah berjaya menubuhkan sebuah negara untuk orang Filipina.⁷⁴ Kata-kata tersebut terus menaikkan semangat orang Filipina yang tidak sabar untuk menguasai dan menghayati *motherland* yang tercinta. Untuk menjadikan konsep *motherland* sebagai realiti, Aguinaldo merancang suatu perlembagaan bagi rakyat Filipina.

5.7 Perlembagaan Malolos

Aguinaldo yang bercita-cita membentuk kerajaan republik telah membenarkan ahli kongres untuk merangka perlembagaan. Sungguhpun objektif asal penubuhan kongres seperti yang dicadangkan oleh Mabini ialah untuk bertindak sebagai badan penasihat kepada presiden tetapi kongres telah dipertanggungjawabkan untuk merangka perlembagaan Filipina. Mabini masih menekankan bahawa, kongres tidak berhak untuk merangka perlembagaan tapi perlu memberi sokongan padu kepada Aguinaldo dan memberi nasihat kepadanya serta membantu meneruskan peperangan.⁷⁵

Mabini berpendapat bukan masanya untuk merangka perlembagaan sekarang kerana negara berada dalam keadaan tidak aman akibat peperangan; mereka perlu menunggu sehingga peperangan tamat dan apabila keamanan wujud, bolehlah merangka undang-

⁷³ Teodoro A. Agoncillo and Oscar M. Alfonso, A Short History of the Filipino People, Quezon City : University of the Philippines, 1961, hlm. 250.

⁷⁴ Surat Konsul G. de Berard kepada Menteri Luar Perancis, bertarikh 1 Oktober 1898, dalam French Consular Dispatches on the Philippine Revolution, op.cit., hlm. 71.

⁷⁵ Ibid.

undang dalam keadaan tenang. Sebaliknya, majoriti di kongres menolak cadangan Mabini dan berpendapat, mereka perlu menghasilkan suatu perlembagaan yang moden dan terkini. Felipe Calderon⁷⁶ menyokong penuh ini dan menyatakan Filipina perlukan suatu perlembagaan dengan segera.⁷⁷ Akhirnya di bawah pimpinan Calderon, kongres bersetuju untuk merangka perlembagaan.⁷⁸

Namun, Mabini terus menegaskan kepada kongres bahawa, semasa peperangan sedang berlaku presiden perlu diberikan kuasa eksekutif yang lebih luas untuk menstabilkan keadaan yang tidak mantap ketika itu.⁷⁹ Mabini juga mahukan kongres menerima perlembagaan yang dihasilkan olehnya. Tetapi cadangan beliau mendapat bantahan hebat daripada kongres. Idea Mabini tidak mendapat sokongan luas kerana, dewan kongres dipenuhi majoriti dengan penyokong Paterno.⁸⁰ Namun Mabini menyerahkan Rancangan Perlembagaan Republik Filipina kepada kongres tapi kongres menolaknya.⁸¹

Sebenarnya apa yang merisaukan golongan *ilustrado* adalah, dengan memiliki kuasa eksekutif yang kuat ditangan presiden, ia akan disalahgunakan. Sebenarnya mereka mahu mengambil tampuk kuasa kerajaan ditangan mereka dan juga mereka berasa Aguinaldo dan orang-orangnya tidak mempunyai cukup ilmu dan latarbelakang sosial untuk memerintah negara. Mengikut Profesor Cesar Adib Majul, menyatakan situasi itu seperti,

⁷⁶ Ahli Jawatankuasa Kongres terdiri dari kelas *ilustrado* yang kaya.

⁷⁷ Vicente Albano Pacis, et al., *Founders of Freedom*, Manila : Capitol Publishing House, Inc., 1971, hlm. 162.

⁷⁸ Teodoro A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic, *op.cit.*, hlm. 377.

⁷⁹ Maximo M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 126.

⁸⁰ Kebanyakkan mereka terdiri daripada golongan *ilustrado* yang kaya-raya.

⁸¹ Teodoro A. Agoncillo and Oscar M. Alfonso, *A Short History of the Filipino People*, *op.cit.*, hlm. 251.

“...the Malolos scheme of government [that is, the Malolos Constitution] may be viewed as a temporary reaction to the idea of a strong Chief Executive, less because a strong executive as such was feared, but because the *ilustrado* feared a strong executive on the person of Aguinaldo...”⁸²

Sebenarnya golongan *ilustrado* kaya sedar bahawa mereka tidak dapat memenangi perjuangan golongan massa dengan wangi, menyedari hakikat ini mereka gunakan taktik untuk membatalkan kuasa eksekutif. Golongan *ilustrado* kaya khuatir Aguinaldo akan menjadi seorang diktator dan autokratis.

Sebenarnya golongan *ilustrado* juga melihat Mabini sebagai musuh dan mereka bertindak untuk menghapuskannya. Mereka berpendapat, selagi ada Mabini golongan *ilustrado* akan kekal sebagai peranan kedua (secondary role). Dengan itu mereka bersatu dan bertindak untuk menentang dan menjatuhkan Mabini. Apabila Mabini menentang rancangan perlembagaan, perlembagaan tersebut ditolak oleh Felipe Calderon dan orang-orangnya yang merupakan golongan *ilustrado* kaya. Perlembagaan Mabini ditolak bukan kerana tidak mempunyai kebaikan, tetapi kerana ia dianggap mengandungi unsur-unsur Masonry. Calderon dan majoriti ahli-ahli jawatankuasa yang merangka perlembagaan adalah orang Katholik dan mereka menganggap Perlembagaan Mabini bertentangan dengan agama Katholik.⁸³ Tetapi itu cuma sebagai alasan saja; sebenarnya golongan *ilustrado* tiada simpati terhadap Mabini dan mereka cemburu dengan kedudukan Mabini yang menjadi penasihat kepada presiden. Oleh kerana Mabini berasal daripada golongan petani, dan keadaan ini tidak dapat diterima oleh golongan *ilustrado* kaya kerana mereka sangat cemburu dengan kedudukan Mabini.

⁸² Teodoro Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic , *op.cit.*, hlm. 641.

⁸³ Ibid.

Mabini sentiasa mengambil langkah untuk menghalang rancangan golongan *ilustrado* yang cuba menjadikan presiden Aguinaldo sebagai alat untuk survival kebangsaan. Pada masa yang sama Mabini sentiasa menasihati Aguinaldo agar tidak terburu-buru dalam tindakkannya untuk merangka perlembagaan. Namun Aguinaldo berjaya dijadikan boneka kepada golongan *ilustrado*. Persaingan wujud antara kedua-dua mereka iaitu antara Mabini dan golongan *ilustrado*.

Bagi Mabini, kemenangan ke atas golongan *ilustrado* dapat menyakinkan golongan ini bahawa beliau adalah pemimpin intelektual kepada golongan massa dan pada masa yang sama Mabini ingin mengukuhkan kedudukannya sebagai penasihat presiden.⁸⁴ Kepada golongan *ilustrado* pula perasaan cemburu dan kebencian terhadap Mabini semakin meningkat kerana mereka menganggap Mabini menjadi penghalang kepada cita-cita golongan *ilustrado*.

Namun, sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk merangka perlembagaan. Felipe Caldaron yang menjadi salah seorang ahli jawatankuasa, telah menjadi pengarang kepada Perlembagaan Malolos. Dengan nasihat Cayetano Arellano, Calderon telah merangka rancangan perlembagaan dengan mengambil contoh daripada Perlembagaan Mexico, Belgium, Guatamala, Costa Rica, Brazil dan Perancis. Pada 8 Oktober 1898, Calderon telah menyampaikan perlembagaan kepada kongres. Perlembagaan ini memberikan kuasa lebih kepada bahagian legislatif.⁸⁵ Selain Calderon, Paterno juga mencadangkan sebuah rancangan perlembagaan yang bercirikan seperti Perlembagaan Sepanyol 1869. Rancangan

⁸⁴ Ibid., hlm. 642.

⁸⁵ Teodoro A. Agoncillo and Oscar M. Alfonso, *A Short History of the Filipino People*, *op.cit.*, hlm. 251.

ini mengutarakan keamanan dan kerajaan bercorak otonomi di bawah Sepanyol.⁸⁶ Namun Rancangan Perlembagaan Calderon dianggap sebagai terbaik kerana ia dihasilkan melalui kajian menyeluruh daripada perlembagaan dari negara-negara lain.⁸⁷

Setelah beberapa lagi pindaan dijalankan dalam draf perlembagaan itu, ia diserahkan kepada Aguinaldo untuk mendapat kelulusan dan pengesahan. Pada 21 Januari 1899 Aguinaldo mengumumkan perlembagaan tersebut sebagai Perlembagaan Malolos. Perlembagaan Malolos merupakan dokumen penting yang pertama bagi Filipina yang sebelum ini tidak pernah dihasilkan daripada kalangan rakyat. Ia merupakan suatu tradisi demokratik yang diwarisi dari Amerika. Perlembagaan ini terdiri daripada tiga bahagian penting iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman.⁸⁸

Sesungguhnya perlembagaan merupakan asas bagi pembentukan sebuah kerajaan kerana ia merupakan undang-undang tertinggi sebuah negara yang akan menentukan pentadbiran negara, dan juga bentuk kerajaan yang akan diamalkan. Dengan adanya perlembagaan yang mantap negara luar seharusnya menganggap kerajaan itu sebagai berdaulat. Atas kesedaran inilah Emilio Aguinaldo mengisyiharkan satu perlembagaan untuk negara Filipina, secara tidak langsung ingin membuktikan kepada Amerika Syarikat

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ Dari 21 Oktober hingga 25 Oktober perbincangan juga diadakan mengenai sama ada agama dan negara diasingkan ataupun menjadikan agama katholik sebagai agama rasmi. Selepas beberapa kali undian dijalankan kongres memutuskan untuk memisahkan kuasa Gereja dan Negara (state). Cadangan Calderon untuk menjadikan Katholik sebagai agama rasmi gagal. Dalam syarat-syarat bidang agama negara, pindaan dibuat seperti berikut : Artikel 5 : Negara membentarkan kebebasan beragama dan persamaan kepada semua agama dan juga pemisahan antara gereja dan negara.⁸⁷ Dalam perbincangan samada gereja dan negara bersatu atau tidak, ramai orang Filipina menentang katholik sebagai agama rasmi bukan kerana anti katholik tapi anti golongan paderi Sepanyol. Pada masa yang sama kebanyakannya perwakilan telah melalui pengalaman pahit dalam sistem kolonial Sepanyol mementang cadangan katholik sebagai agama rasmi. Sila rujuk Teodoro A. Agoncillo and Oscar M. Alfonso, *A Short History of the Filipino People*, *op.cit.*, him. 251.

⁸⁸ Kuasa legislatif dijalankan oleh Assembly of Representatives yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih mengikut undang-undang. Untuk memastikan kongres berfungsi secara berterusan, suruhanjaya tetap diwujudkan untuk bertindak sebagai badan yang merangka undang-undang apabila kongres tidak bersidang (session) Dewan Assembly memilih presiden bagi Republik. Kabinet terdiri daripada setiausaha daripada pelbagai jabatan yang bertanggungjawab kepada Assembly. Pentadbiran kehakiman di Supreme Court (Mahkamah Tinggi) dan Inferior Court (Mahkamah Rendah) perlu ditubuhkan mengikut undang-undang. Ketua hakim mahkamah tinggi dipilih oleh Assembly dengan persetujuan presiden dan kabinet. *Ibid.*

bahawa kerajaannya tidak terkongkong dan tidak tertakluk kepada mana-mana kuasa luar terutamanya Amerika Syarikat. Aguinaldo mengharapkan agar Amerika Syarikat akan mengiktiraf perlembagaan baru ini.

Perlembagaan Malolos dianggap unik kerana terdapat tiga alasan. Pertama Assembly atau bahagian legislatif yang membuat undang-undang menjadi superior berbanding sama ada bahagian eksekutif atau bahagian kehakiman. Kedua diwujudkan suruhanjaya tetap berfungsi seperti badan legislatif apabila Assembly tidak bersidang (session). Ketiga, kerana ia diasaskan dengan unicameral legislature.⁸⁹

Alasan Calderon untuk memperuntukkan kuasa yang lebih luas dalam bidang legislatif ialah kerana khawatir akan didominasi elemen tentera yang begitu kukuh yang ada dibelakang Aguinaldo. Untuk menghalang kuasa tentera, Calderon sengaja memperuntukkan kuasa legislatif yang luas dan ini dapat mengelakkan bidang kuasa eksekutif di bawah Aguinaldo dapat dikawal.

"The Constitution as a whole is a monument to the capacity of the Filipinos to chart their own course along democratic lines. In a period of storm and stress, it symbolized the ideals of a people who had emerged from the Dark Ages into the light of Reason."⁹⁰

Perlembagaan itu adalah lambang kebanggaan masyarakat Filipina dan merupakan satu permulaan era pemerintahan sendiri selepas sekian lama melalui pahit-maung penjajahan. Perlembagaan yang dibentuk menunjukkan persediaan ke arah untuk mentadbir negaranya

⁸⁹ Ibid.

⁹⁰ Ibid., hlm. 252.

sendiri dan menunjukkan kematangan orang Filipina.⁹¹ Aguinaldo terus kukuh dengan pendiriannya untuk membentuk sebuah kerajaan republik yang mencerminkan penglibatan penduduk Filipina secara aktif, selaras dengan prinsip kebebasan, persamaan, persaudaraan yang dianutinya. Inilah *motherland* yang diilhamkan oleh Aguinaldo yang memiliki kebebasan, persamaan taraf bagi setiap penduduk Filipina yang bakal menjadi rakyat yang sah kerajaan republik Filipina.

Oleh sebab bantahan Mabini dalam beberapa peruntukan perlembagaan, Aguinaldo tidak mengumumkannya serta merta. Pemimpin kongres cuba memujuk Mabini untuk menerima perlembagaan dengan melakukan beberapa pindaan untuk memuaskan hatinya. Akhirnya pada 21 Januari 1899, Aguinaldo mengumumkan perlembagaan.⁹² Sebelum itu, pada 2 Januari 1899, Aguinaldo telah membentuk barisan kabinetnya seperti berikut :

Apolinario Mabini	- Presiden Kabinet dan Setiausaha Perhubungan luar.
Teodoro Sandico	- Setiausaha Pedalaman.
Baldomero Aguinaldo	- Setiausaha Peperiksaan.
Mariano Trias	- Setiausaha Kewangan.
Gracio Gonzaga	- Setiausaha Kebajikan, Kerja Awam, Perlembagaan, Pertanian, Perindustrian dan Perdagangan.

Bagi Mabini, kabinet yang dibentuk tidak dikuasai oleh mana-mana parti sebaliknya ia adalah semata-mata demi menjaga kepentingan dan maruah *motherland* yang dicintainya.⁹³ Setelah membentuk kabinet, Aguinaldo seterusnya mengisyiharkan Republik Filipina di Malolos.

⁹¹ Eliodoro G. Robles, *The Philippines in the Nineteenth Century*, Quezon City : Malaya Books Inc., 1969, hlm. 294.

⁹² Sila rujuk lampiran V.

⁹³ Teodoro A. Agoncillo and Oscar M. Alfonso, *A Short History of the Filipino People*, op.cit., hlm. 251.

5.8 Pengisytiharan Republik Filipina

Pada 23 Januari 1899, Republik Filipina dirasmikan di Malolos dengan upacara penuh warna-warni dan Aguinaldo mengambil sumpah sebagai presiden Republik.⁹⁴ Untuk menyebarkan tujuan dan pemikiran kerajaan baru, kerajaan republik telah mengeluarkan akhbar *El Heraldo de la Revolucion (The beginning of revolt)*. Selain itu muncul banyak akhbar persendirian yang memainkan peranan penting menyebarkan tentang kerajaan Republik di Filipina.⁹⁵

Aguinaldo telah mengambil beberapa langkah supaya kemerdekaan negeri Filipina diakui di luar negara. Untuk itu beliau telah melantik beberapa jawatan diplomatik. Felipe Agoncillo dihantar ke Amerika Syarikat dan Mariano Ponce serta Faustino Lichauco dihantar ke Jepun. Antonio Regidor dihantar ke England; Jan Loina dan Petro Roxas ke Perancis; Eriberto Zariel ke Australia.⁹⁶ Agoncillo yang pergi ke Amerika Syarikat untuk mendapat pengakuan tidak berjaya kerana pada 10 Disember 1898 Perjanjian Paris telah ditandatangani oleh Amerika Syarikat dan Sepanyol.⁹⁷ Dengan perjanjian ini Sepanyol menyerahkan Filipina kepada Amerika Syarikat dengan bayaran sebanyak 20 juta dolar.⁹⁸ Dengan perjanjian itu, Filipina dengan rasminya jatuh ke tangan Amerika Syarikat. Pada 6 Februari 1898 setelah Senat di Amerika Syarikat mengesahkan perjanjian tersebut, pihak

⁹⁴ Artikel demi artikel perlombagaan Malolos dibacakan kepada umum. Pasukan tentera mengambil sumpah setia daripada Presiden. Untuk diperingati lagi peristiwa ini, Aguinaldo mengambil keputusan untuk memberikan pengampunan kepada tawanan Sepanyol dan disamping memberangkan mereka berniaga dalam Republik.

⁹⁵ Antaranya ialah seperti, *La Independencia* dan *Antonio Luna* sebagai pengarang, *La Republica Filipina* dan *Pedro A. Paterno* sebagai pengarang dan *Columnas Volantes de La Federacion* dengan *Gregorio Aguilera* sebagai pengarang dan lain-lain akhbar lagi. Sila rujuk Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 147.

⁹⁶ Teodoro A. Agoncillo and Oscar M. Alfonso, *A Short History of the Filipino People*, *op.cit.*, hlm. 255.

⁹⁷ Gregorio F. Zaide, *The Philippines Revolution*, *op.cit.*, hlm. 239.

⁹⁸ Alejandro M. Fernandez, *op.cit.*, hlm. 70.

Amerika dengan rasminya menduduki Filipina. Dengan itu, republik yang diasaskan oleh Aguinaldo tidak dapat bertahan lama.

Suatu perkara yang ketara dapat dilihat sehingga ke peringkat ini ialah pengaruh golongan *ilustrado* yang begitu menonjol untuk mendapatkan kuasa dalam kerajaan republik yang dibentuk. Suatu persoalan timbul ialah, mengapa Aguinaldo membenarkan golongan ini khasnya golongan *ilustrado* kaya untuk menentukan hala tuju perkembangan nasionalisme Filipina.

Meneliti penglibatan golongan *ilustrado* dalam kerajaan Aguinaldo, tidak dapat dinafikan ia jelas menunjukkan kelemahan sebagai seorang pemimpin. Menurut Teodoro A. Agoncillo, sifat tolenrasi yang ada pada diri Aguinaldo telah membawa kepada kemasukan golongan *ilustrado* yang kaya dan intelek ke dalam perjuangan golongan pemberontak.⁹⁹ Semasa Aguinaldo menubuhkan kerajaan Revolusioner, beliau telah menggunakan segala bakat golongan *ilustrado* yang kaya untuk menstabilkan jentera politik negara. Pada masa yang sama Aguinaldo juga membawa masuk Apolinario Mabini seorang intelek dari kalangan kelas miskin dan dilantik sebagai penasihatnya. Kehadiran beliau tidak disenangi oleh golongan ilustrado dan mereka bertindak untuk meminggirkan Mabini. Penyingkiran terhadap Mabini yang berasal dari golongan miskin, menunjukkan sikap golongan *ilustrado* kaya yang tamak kuasa dan tidak mahu memberi peluang kepada golongan massa menguasai kerajaan.

⁹⁹ Teodoro A. Agoncillo, Malolos : The Crisis of the Republic, op.cit., him. 637.

Suatu persoalan lagi yang timbul ialah mengapa Aguinaldo membenarkan dan melibatkan bersama golongan *ilustrado* untuk menikmati dan menghayati kemenangan yang dicapai oleh golongan massa melalui titik peluh mereka. Menurut Agoncillo, Aguinaldo berbuat demikian atas sifatnya yang tidak tamak. Segala kejayaan yang dicapai dianggap bukan kejayaan individu tetapi sebagai kejayaan negara. Beliau mahu semua orang Filipina bersatu padu dan menggembung tenaga untuk mendapatkan kemerdekaan. Apabila menerima bantahan daripada golongan massa yang menentang pengambilan masuk tenaga kerja daripada golongan *ilustrado* dan diberi jawatan tinggi dalam kerajaan, Aguinaldo menjawab seperti berikut, "... *the Katipunan, the initiation of the Revolution, was dead and that a new Katipunan, that of all Filipinos, was now in force...*"¹⁰⁰ Dengan kenyataan ini, Aguinaldo menegaskan bahawa semua perjuangan ini bukan milik ahli Katipunan tetapi adalah perjuangan orang Filipina. Dengan ini jelas Aguinaldo cuba menekankan kesedaran kebangsaan dikalangan orang Filipina agar mempunyai matlamat yang sama. Walaupun melalui kenyataan ini, Aguinaldo berjaya menjawab segala kesangsian orang Filipina, tetapi beliau juga melantik golongan *ilustrado* ke dalam jawatan penting seperti Trinidad H. Pardo de Tavera, Cayetano Arellano, Benito Legarda, Felipe Buencamino, Gregorio Araneta dan lain-lain golongan kaya yang tidak pernah mempunyai simpati terhadap kerajaan. Semua orang dilantik dalam kabinetnya adalah daripada golongan *ilustrado*. Bagaimana Aguinaldo berkata ia untuk orang Filipina? Maka Aguinaldo juga mewakili satu lapisan masyarakat sahaja dan bukan melambangkan orang Filipina keseluruhannya. Maka tidak keterlaluan jika dikatakan hanya Mabini sahaja yang mewakili golongan yang tidak berada. Ini merupakan suatu kecacatan bagi kerajaan yang

¹⁰⁰ Ibid.

dibentuk oleh beliau. Di sinilah terletaknya sejauhmanakah keutuhan dan kesahihan kerajaan yang dibentuk oleh Aguinaldo.

Kelemahan Aguinaldo terbukti apabila beliau melantik orang yang tidak jujur memperjuangkan kemerdekaan Filipina ke dalam kongres. Aguinaldo tidak berhati-hati dalam melantik pegawai kedalam jawatan Kongres Malolos. Aguinaldo mempercayai bahawa sebagai orang Filipina mereka akan bertindak untuk kebaikan dan kepentingan bangsanya. Kongres dibentuk untuk memberikan nasihat kepada presiden. Tetapi apabila kongres diasaskan, golongan *ilustrado* mula merampas kuasa dari presiden. Pertama melalui percubaan dalam merangka perlembagaan dan kedua pula cuba mengawal bidang kuasa eksekutif supaya membolehkan presiden menjadi boneka kepada bahagian legislatif.¹⁰¹ Mengikut Agoncillo, tindakan ini dikatakan langkah pertama Aguinaldo membenarkan dirinya menjadi “tawanan” kepada golongan *ilustrado*.¹⁰²

Agoncillo juga telah menggolongkan mereka yang majoriti dalam kongres digelar sebagai golongan “berada” (*Haves*) dan kumpulan minoriti yang terdiri daripada Aguinaldo, Mabini dan beberapa orang rakannya sebagai golongan “tidak berada” (*Have nots*).¹⁰³ Perebutan kuasa antara dua kumpulan ini bermula apabila diputuskan golongan *ilustrado* untuk merangka perlembagaan.¹⁰⁴ Sungguhpun kongres dibentuk untuk memberi nasihat kepada presiden dalam perkara-perkara penting berkaitan negara dan bukan untuk merangka perlembagaan, namun golongan *ilustrado* berjaya mempengaruhi Aguinaldo

¹⁰¹ Bidang kuasa eksekutif dikurangkan dan bidang kuasa legislative ditingkatkan agar golongan *ilustrado* kaya yang berada dalam kerajaan dapat berpengaruh dan menerajui kerajaan yang dibentuk oleh Aguinaldo. *Ibid.*

¹⁰² *Ibid.*, hlm. 638

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ Mabini sebenarnya tidak senang dengan cadangan Aguinaldo membentuk Kongres Malolos untuk merangka perlembagaan. Menurut Mabini, dalam keadaan politik yang tidak stabil tidak elok bidang kuasa seseorang presiden dibataskan kuasanya dengan menjadikan perlembagaan sebagai suatu halangan. *Ibid.*

untuk membentuk perlombagaan dalam kongres, dan melalui perlombagaan ini mereka boleh mendapat kuasa dalam kerajaan.

Semasa revolusi tahap pertama, kelas pertengahan telah mengkhianati di mana mereka langsung tidak memberikan bantuan dalam revolusi kerana mempercayai perjuangan golongan massa tidak akan berjaya. Tetapi kini apabila kerajaan republik berjaya ditubuhkan, mereka cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan kuasa dan kemudahan untuk kepentingan diri. Akibat daripada tindakan kelas *ilustrado* ini, golongan massa yang menjadi tonggak penting dalam revolusi dan berjuang untuk negara dengan penuh kesetiaan menjadi mangsa pengkhianatan golongan kelas pertengahan yang tidak mempunyai kesetiaan, secara langsung atau tidak langsung membawa kepada krisis dalam Republik.

Sukar untuk menilai sikap golongan *ilustrado* kerana apabila mereka menerima kedudukan tinggi dalam kerajaan mereka sepatutnya setia kepada kerajaan. Tapi mereka tidak setia misalnya terlibat dalam manipulasi kewangan.¹⁰⁵ Aguinaldo sebenarnya telah menjadi boneka kepada golongan *ilustrado* apabila beliau meluluskan undang-undang pinjaman kebangsaan. Ia merupakan strategi golongan *ilustrado* yang diketuai oleh Paterno untuk menyingkirkan Mabini daripada Aguinaldo dan mematahkan sokongan golongan massa kepada Mabini.

¹⁰⁵Golongan *ilustrado* cuba campurtangan dalam hal ehwal kerajaan dan cuba menguasai bidang kewangan kerajaan. Perkara ini dapat dilihat apabila golongan *ilustrado* meluluskan undang-undang pinjaman kebangsaan (national loan law) dan ia telah disahkan sendiri oleh Aguinaldo.¹⁰⁵ Mabini yang mengikuti perkembagaan ini menuduh golongan *ilustrado* sebagai berusaha untuk mengawal kerajaan melalui manipulasi kewangan. Ketidakadilan undang-undang ini, akan mengakibatkan bidang kewangan kerajaan akan dikuasai oleh golongan *ilustrado* yang terdiri daripada Paterno, Buencamino, dan golongan kaya yang lain. Mabini sedar pelaksanaan undang-undang ini akan mendatangkan kesusahan kepada golongan massa.

Perbezaan antara golongan *ilustrado* dan golongan massa juga dapat dilihat dalam aspek bahasa yang digunakan. Gerakan propaganda yang diterajui oleh golongan *ilustrado* bergerak dalam bahasa Sepanyol. Di mana tulisan-tulisan Rizal sendiri ditulis dalam bahasa Sepanyol. Katipunan yang merupakan sebuah gerakan revolusioneri yang diterajui oleh golongan massa, menggunakan bahasa orang Filipina iaitu Tagalog. Katipunan mempunyai nama Tagalog, salurannya akhbar kalayaan diterbitkan dalam bahasa Tagalog. Apabila Republik Malolos diasaskan dibawah naungan golongan *ilustrado*, bahasa Sepanyol kembali mendominasi dalam kepimpinan, walaupun kerajaan baru secara rasminya menerima Tagalog sebagai bahasa kebangsaan.

Orang Filipina menerima golongan *ilustrado* sebagai pemimpin kerana golongan *ilustrado* dipercayai dapat menyempurnakan keinginan mereka. Menurut Constantino, orang Filipina menerima kepimpinan golongan *ilustrado* kerana sebelum ini juga mereka sudah biasa menerima dan patuh kepada paderi tempatan dan golongan prinsipalia. Golongan massa juga sedar akan kekurangan dari segi kebolehan dan tahap pendidikan mereka. Dimana mereka tiada mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam pentadbiran. Golongan *ilustrado* sebaliknya mengambil tampuk kepimpinan dan dipercayai mereka dapat melakukan apa yang terbaik untuk rakyat jelata. Tetapi golongan massa tidak sedar kekurangan kemampuan mereka adalah disebabkan oleh tidak mendapat peluang.

Namun tidak boleh dipertikaikan sumbangan yang dimainkan oleh golongan *ilustrado* dalam membangkitkan kesedaran nasionalisme dikalangan orang Filipina. Menurut Constantino,

"There is no doubt that the class *ilustrado* played a progressive role in the revolution of national consciousness; they were for a moment revolutionary in influence, for the

masses who were innately revolutionary as evidenced by the series of uprisings against Spain were lacking in theoretical guidance. They were unable to articulate their desires, for which they needed the educated.”¹⁰⁶

Walaupun mengalami pelbagai rintangan dan halangan namun dengan semangat dan azam Aguinaldo akhirnya beliau mengisytiharkan Republik Malolos pada tahun 1899. Namun harapan orang Filipina berkecai apabila Sepanyol menyerahkan Filipina kepada Amerika Syarikat melalui Perjanjian Paris. Walaupun jangkahayat republik ini singkat, ia adalah tanda kejayaan, perjuangan Aguinaldo dan rakyat Filipina selama ini. Republik Malolos dianggap kemerdekaan sebenar oleh rakyat Filipina.¹⁰⁷ Orang Filipina berupaya membentuk sebuah negara merdeka dan berdaulat. Republik Filipina dianggap sebuah kerajaan oleh rakyat dan untuk rakyat. Dengan terbentuknya republik ini sudah wujud konsep warganegara. Setiap rakyat berhak memilih dan menentukan pemimpin mereka.

Sebelum kedatangan Sepanyol, Filipina tidak ada satu sistem kerajaan atau konsep negara bangsa seperti yang difahami sekarang. Penduduk tinggal dalam politi-politi yang kecil dengan sistem pentadbiran tersendiri dibawah pimpinan seorang datu dalam sistem Barangay. Konsep negara Filipina tidak wujud, dan ia hanyalah terdiri daripada sebuah pulau atau wilayah yang berasingan. Tetapi dengan pembentukan republik Malolos, Filipina akhirnya berubah dari sebuah pulau kepada sebuah negara. Pembentukan negara Filipina itu adalah *motherland* yang diperjuangkan oleh orang Filipina selama ini. Semasa Amerika datang dan mengambil Filipina, sebenarnya Filipina adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Filipina jatuh ke tangan Amerika sebagai sebuah negara merdeka dan bukan sebagai suatu koloni. Apabila Amerika menduduki Filipina ia bukan sebagai

¹⁰⁶ Renato Constantino, *The Making of a Filipino*, Quezon City : Malaya Books Inc. 1969, hlm.12.

¹⁰⁷ Gregorio F. Zaide, “The Rewriting of Philippine History” dalam Proceedings of Position Papers of the First Regional Seminar on History, August 28-29, 1971, Manila : National Historical Institute, 1975, hlm. 34.

penajah tapi untuk memberi latihan dan panduan kepada orang Filipina agar menyediakan mereka ke arah berkerajaan sendiri. Pada masa yang sama, Amerika juga ingin memastikan idea negara demokrasi yang diwarisi dari Amerika terus dikenalkan di rantau Asia.

Sungguhpun jangka hayat Republik itu singkat, ia adalah yang pertama muncul di Asia. Walaupun kuasa luar tidak mengiktiraf Republik ini kerana mengambil kira kedua-dua pihak Sepanyol dan Amerika tapi ini tidak akan menghilangkan keagungan dan kemuliaan republik dan revolusi pertama di Asia.¹⁰⁸ Menurut Rodolfo G. Tupas seorang penulis Filipina, Revolusi Filipina dan pengasasan Kerajaan Republik Filipina pertama bukan suatu ilusi tetapi peristiwa yang benar-benar berlaku. Ia adalah bukti keperwiraan yang telah ditinggalkan oleh tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan yang menjadi kebanggaan rakyat Filipina.¹⁰⁹

Amerika Syarikat sememangnya tidak mengiktiraf Republik tersebut tapi kejayaan nasionalis Filipina untuk mengisyiharkan sebuah kerajaan berserta sebuah perlombagaan yang begitu teratur membuktikan kematangan dan kebolehan mereka untuk mentadbir negara mereka sendiri. Sesungguhnya republik yang dibentuk adalah pencapaian gilang-gemilang kepada nasionalis Filipina yang beberapa tahun sebelum itu yang hampir telah hilang hala tuju dalam penentuan matlamat nasionalisme di Filipina. Pembentukan republik ini juga memberi gambaran dengan sejelas mungkin sebuah kerajaan yang dibentuk oleh nasionalis Filipina berpandukan konsep Filipina sebagai *motherland* tersebut. Tidak dapat dinafikan konsep republik Filipina adalah berteraskan sistem politik di Amerika. Keadaan

¹⁰⁸ Rodolfo G. Tupas, op.cit., hlm. 11.

¹⁰⁹ Ibid.

ini tidak dapat dielakkan kerana meluasnya pengaruh Amerika pada masa itu, tambahan pula tidak wujud satu konsep politik yang teratur di Asia seperti mana di Eropah. Yang penting adalah kejayaan nasionalis tempatan menerajui kerajaan yang dibentuk yang melambangkan satu kejayaan gilang-gemilang untuk para nasionalis dan juga penduduk Filipina. Republik Malolos itu juga menjadi asas kepada pembentukan kerajaan republik yang sebenar pada hari ini di Filipina.